

Fujitsu Component: memperjuangkan rekapipta berpusatkan pelanggan

Rakan kerjasama perniagaan dengan pendekatan berpusatkan pelanggan, Fujitsu Component menyediakan teknologi termaju yang menyokong pelbagai bidang berteknologi tinggi termasuk IoT, teknologi tanpa wayar dan kenderaan elektrik.



"Kami dapat menghasilkan produk-produk berdasarkan permintaan pelanggan. Mempunyai perbualan yang kerap dengan pelanggan membuatkan suara mereka relevan dengan proses rekaan dan kejuruteraan."

Masahiro Kinoshita, Presiden, Fujitsu Component Ltd.

Fujitsu Component adalah perniagaan berasaskan teknologi dengan lebih 100 tahun pengalaman dalam rekapipta dan pembangunan. Hari ini syarikat ini dikenali di seluruh dunia untuk geganti sokongan, modul tanpa wayar dan penyelesaian IoT, pencetak haba dan panel sentuhan, menjadikannya rakan kerjasama yang amat diperlukan untuk klien-klien dalam industri elektronik dan automotif.

Sementara mengejar perkembangan dalam teknologi termaju di Pusat R&Dnya di Jepun, bahagian kualiti Fujitsu Component juga akan memastikan standard pengeluaran adalah setinggi yang mungkin pada masa yang sama ianya menyumbang kepada kemampanan dan masyarakat serta mengurangkan kesan ke atas alam sekitar. Sememangnya dedikasi kepada kualiti ini, bersandarkan pemahaman tajam terhadap keperluan pelanggan - yang terus membezakan firma-firma Jepun daripada pesaing setempatnya, seperti diketengahkan oleh presiden Fujitsu Component Masahiro Kinoshita.

"Apabila bercakap tentang kos, pengeluaran China, Korea dan Taiwan adalah lebih murah, tetapi jika bercakap tentang kualiti, syarikat-syarikat Jepun mungkin adalah pembekal terbaik di seluruh dunia," kata Kinoshita. "Mengapakah begitu? Pertama sekali, kami dapat membangunkan produk berdasarkan permintaan pelanggan. Mengadakan perbincangan yang kerap dengan pelanggan bagi memastikan suara mereka relevan dalam proses rekapipta



Produk-produk rangkaian mesh

dan kejuruteraan, jadi dalam erti kata, keupayaan kejuruteraan kami adalah satu daripada faktor utama dalam kelebihan daya saing kami. Sebab keduanya adalah setiap produk melalui miniaturisasi, jadi kami dapat menghasilkan produk-produk sangat kecil secara pengeluaran besar-besaran."

Beliau menambah: "Keseimbangan antara kos dan kualiti adalah penting, jadi bagi syarikat-syarikat Jepun, kualiti adalah keutamaan, dan kemudian kami melihat kepada kos. Syarikat-syarikat Jepun membuat produk-produk dengan kualiti lebih baik untuk bersaing. Kami juga ada kekuatan dalam khidmat selepas jualan, supaya kami dapat memberikan produk yang diperlukan oleh para pelanggan."

Miniaturisasi sudah tentu adalah keperluan utama dalam industri semikonduktor, di mana Fujitsu membekalkan komponen-

pengeluar bahan. Selain itu, beberapa klien memerlukan set cip dengan spesifikasi tinggi, dan kami kadangkala menukar cip teras kami kepada cip dengan fungsi berkeupayaan tinggi dan pada masa yang sama, kami turut mengurangkan saiz produk."

Tentu sekali, apabila bercakap tentang kualiti dan prestasi, semua pemain industri automotif, dari pembekal alat ganti ke pembuat kereta utama seperti Toyota dan Nissan, perlu berada di kedudukan yang terbaik. Antara komponen yang Fujitsu bekalkan kepada syarikat-syarikat gergasi automotif ini adalah geganti bersiri FTR-K5, yang dibangunkan pada 2019. FTR-K5 adalah pembekal tenaga 6.6 kilowatt untuk pengecas dalam kereta EV (kenderaan elektrik) dan PHV (kenderaan hibrid pasang masuk) pertama di dunia, dan dengan geganti di atas papan yang sangat boleh dipercayai dengan berkapasiti tinggi, menawarkan keupayaan kepada pengeluar untuk meningkatkan jarak perjalanan EV dan PHV.

Kinoshita menerangkan: "Geganti ini mematuhi standard automotif yang ketat berkenaan rintangan gegaran, suhu operasi dan kelas insulasi - memenuhi standard insulasi lebih baik IEC61810-1 277V. Saiz geganti adalah arena yang kompetitif. Pertimbangan yang lainnya adalah penggunaan tenaga yang rendah dan rintangan terhadap suhu yang tinggi. Apabila produk dihantar, ia mungkin bukan sahaja hanya ada pengecas didalam kereta, malah juga stesen pengecas yang boleh digunakan di rumah."

Terdapat peralihan besar didalam sektor automotif dengan kemunculan kenderaan-kenderaan CASE (connected, autonomous, shared, electric) dan dianggarkan bahawa bahagian kos bagi komponen elektronik dalam kereta akan meningkat kepada lebih kurang 35% menjelang 2025, iaitu 16% lebih tinggi daripada hari ini. Ia adalah suatu trend yang menjadi pertanda baik buat Fujitsu Component, yang mana

pendapatan jumlah produk akan semakin besar bagi menyokong berbilang julat fungsi dalam kenderaan CASE. Ia adalah suatu perkara yang menjadi "titik terbaik" untuk syarikat ini, kata Kinoshita.

"Kami mempunyai siri-siri FTR-K5 dan FTR-E1, yang mana lebih sesuai untuk geganti EV dan kawalan tenaga. Berkeinginan CASE, ini mungkin menjadi gerbang untuk membuka pasaran EV. Alat gantian kami juga terlibat sekiranya berlaku kecederaan. Dalam kereta-kereta yang telah dihubungkan, apabila berlakunya kemalangan, secara automatiknya kereta ini terus berhubung dengan pusat kecemasan. Kami sudahpun membekalkan geganti FTR-B3 dan FTR-B4 untuk tujuan ini. Ia adalah geganti isyarat di dalam kereta yang boleh digunakan untuk ketersambungan."

Selain automotif, produk-produk perusahaan Jepun ini juga ada kegunaannya dalam pelbagai bidang lain, termasuk peralatan FA (automasi kilang), terminal mudah alih dan penjagaan kesihatan. Secara khususnya, Kinoshita menentangahkan produk-produk rangkaian mesh syarikat, yang terlahir akibat kerjasama dengan Wirepas, sebuah syarikat Finland yang mengusahakan menambahbaik penyelesaian ketersambungan IoT. "Peranti-peranti rangkaian mesh kami membina rangkaian tak terpusat yang boleh diskalakan dan kapasiti penghalauan semula rangkaian yang berautonomi," beliau menjelaskan. "Kami telah mengembangkan barisan produk kami sejak penawaran produk pertama pada 2020. Ia adalah yang terbaik untuk penjejakan aset dan pengumpulan data sensor persekitaran di hospital-hospital besar, kilang-kilang, pejabat-pejabat dan sekolah-sekolah."

Melangkah ke hadapan berikutan peralihan syarikat untuk menjadi entiti bebas daripada syarikat induk Fujitsu pada 2019, Kinoshita menyasarkan untuk membina lebih banyak kerjasama berjaya seperti yang dijalin bersama Wirepas. "Kami sangat terbuka kepada kerjasama di mana sahaja," beliau merumuskan. "Kami perlu bekerjasama secara positif dengan universiti-universiti atau syarikat-syarikat baru dan semua pemain besar untuk membangunkan produk-produk yang lebih maju, jadi kami terbuka untuk melakukan kerjasama dengan pihak-pihak ketiga."

FUJITSU

FUJITSU COMPONENT LIMITED

www.fcl.fujitsu.com/en



Geganti untuk EV/PHV

komponen niche seperti geganti isyarat. Di sini, kerjasama adalah kuncinya. Syarikat ini berusaha untuk menawarkan produk-produk berprestasi paling optimum memandangkan semikonduktor dan komponen-komponennya menjadi semakin kecil. "Kami sudahpun mempunyai kelebihan dalam keupayaan rekapipta, tetapi lebih penting lagi, akhir-akhir ini kami telah bekerjasama dengan beberapa pengeluar bahan untuk membuat geganti isyarat lebih kecil," maklum Kinoshita. "Dengan mengurangkan saiz, kami mengurangkan berat menggunakan bahan-bahan yang datang hasil daripada kerjasama dengan